

Kempunan nak rasa duit KWSP

Oleh NORHAYATI YAHAYA,
MOHD. HAFIZI AHMAD
dan KAMARIAH KHALIDI
berita@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Kira-kira 20,000 rakyat Malaysia tidak sempat menikmati hasil titik peluh mereka menabung Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sekiranya badan berkenaan berkenaan menaikkan had umur pengeluaran wang simpanan daripada 55 kepada 60 tahun.

Setiausaha Agung Persatuan Pengguna Islam Malaysia, Datuk Dr. Ma'amor Osman berkata, statistik Jabatan Perangkaan menunjukkan secara purata kira-kira 20,000 orang rakyat Malaysia dalam lingkungan umur 50 hingga 59 tahun meninggal dunia setiap tahun.

Berdasarkan statistik pada tahun 2012, seramai 20,146 orang rakyat Malaysia yang berusia antara 50 hingga 59 tahun direkodkan meninggal dunia, manakala pada 2011 (19,618 orang) dan 2010 (18,955 orang).

Katanya, andaian KWSP yang menyatakan purata jangka hayat rakyat Malaysia sekitar 75 tahun sebagai alasan untuk melaksanakan cadangan tersebut adalah tidak munasabah dan adil kepada pencarum kerana tidak semua manusia boleh hidup hingga usia tersebut.

"Bagaimana dengan mere-



KERATAN Kosmo! semalam.



MA'AMOR



BUNG MOKHTAR

ka yang meninggal dunia sebelum umur 60 tahun? Duit yang disimpan sejak bertahun-tahun bekerja akhirnya tidak sempat untuk dinikmati.

"Adakah itu adil kepada pencarum apabila pihak KWSP yang menetapkan had pengeluaran wang sedangkan duit yang disimpan dan dilabur agensi kerajaan itu adalah hasil titik peluh mereka?" soalnya ketika dihubungi Kosmo! semalam.

Kosmo! semalam melaporkan pengumuman KWSP yang memberikan dua cadangan kepada pencarum mengenai had umur pengeluaran penuh telah mendapat bantahan daripada pelbagai pihak.

Dua cadangan itu ialah menganjakkan umur pengeluaran daripada 55 kepada 60 tahun secara berperingkat-peringkat dalam tempoh 15 tahun atau mengekalkan pengeluaran pada umur 55 tahun untuk simpanan sedia ada dan memperkenalkan pengeluaran umur 60 tahun bagi mereka yang terus bekerja dan mencarum selepas



RAMAI pencarum membantah cadangan KWSP yang mahu melanjutkan had umur pengeluaran penuh simpanan daripada 55 kepada 60 tahun. - Gambar hiasan

umur 55 tahun.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia, Mohamad Nooruziddin Nooh berkata, kebanyakan pesara menggunakan simpanan persaraan untuk membuat pelaburan, melaksanakan pinjaman rumah atau membiayai perbelanjaan pendidikan anak-anak.

"Perbelanjaan pendidikan tersebut merupakan pelaburan jangka panjang untuk anak-anak yang mahu menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

"Selain itu, ada kemungkinan pencarum mahu gunakan wang mereka untuk menyelesaikan baki pinjaman pembelian rumah atau membeli hartanah baharu," ujarnya.

Sementara itu, Ahli Parlimen Kinabatangan, Datuk Bung Mokhtar Radin berkata, KWSP tidak sepatutnya memansuhkan lagi kancah politik negara kerana kera-

jaan ketika ini sudah cukup bergelut untuk menangani isu Cukai Barang dan Perkhidmatan dan isu Malaysia Development Berhad.

"Cukup, cukuplah KWSP dengan isu had umur pengeluaran wang simpanan ini. Saya secara peribadi sebagai Ahli Parlimen sendiri tidak bersetuju dengan cadangan itu," katanya ketika dihubungi semalam.

Dalam pada itu, pengamal undang-undang Salim Bashir berkata, KWSP perlu melakukan pindaan undang-undang pada Akta KWSP 1991 sekiranya cadangan itu hendak dilaksanakan kelak.

Katanya, cadangan tersebut perlu dibahas di Parlimen dan sekiranya diluluskan, ia akan menjadi akta tetapi masih belum boleh digazetkan.

Akta tersebut bagaimanapun perlu melalui Dewan Negara dan mendapat perkenan daripada Yang di-Pertuan Agong sebelum ia menjadi undang-undang pindaan.